BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

# Kandungan


MS5 **Sorotan Penting**

MS7 **Persekitaran Ekonomi Antarabangsa**

MS9 **Perkembangan Ekonomi Malaysia**

MS19 **Perkembangan Monetari dan Kewangan**

MS23 **Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia**

MS27 **Tinjauan Makroekonomi**

MS29 **Tambahan**


Sorotan Penting

# Perkembangan Ekonomi dan Kewangan pada S4 2019

## Ekonomi Malaysia meningkat 3.6% pada suku keempat

**Pertumbuhan disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih kukuh, dalam keadaan gangguan bekalan dalam sektor komoditi**

Perubahan tahunan (%)




Pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga yang berterusan telah mendorong perbelanjaan isi rumah

Pelaburan swasta meningkat kepada 4.2% (S3'19: 0.3%)


Sektor komoditi terjejas akibat gangguan bekalan

- Pertanian merosot 5.7% (S3'19: +3.7%)
- Perlombongan terus menguncup (-2.5%; S3'19: -4.3%)

## Purata inflasi keseluruhan lebih rendah pada suku keempat

**Inflasi keseluruhan lebih rendah berikutan luputnya kesan daripada pelaksanaan SST**

Inflasi Keseluruhan dan Inflasi Teras[1]




[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak mengambil kira anggaran kesan langsung daripada perubahan dasar cukai penggunaan.

Luputnya kesan daripada pelaksanaan SST

Inflasi bahan api terus memberikan tekanan memandangkan harga siling bagi harga runcit bahan api domestik kekal tidak berubah

Inflasi teras adalah stabil dalam keadaan ketiadaan tekanan permintaan yang besar dan pengembangan upah yang sederhana dalam sektor swasta

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya
Untuk maklumat lanjut, layari www.bnm.gov.my

# Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

## SOROTAN PENTING

- **Pertumbuhan global kekal lemah pada suku keempat 2019.**
- **Eksport negara serantau menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang perlahan.**
- **Volatiliti pasaran kewangan berkurang dengan pertikaian perdagangan yang mereda.**

## Aktiviti ekonomi global kekal lemah


Ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana pada suku keempat 2019.

Pertumbuhan ekonomi di Amerika Syarikat (AS) bertambah baik, didorong oleh perbelanjaan awam yang lebih tinggi dan import yang lebih rendah. Keadaan ini lebih daripada mengimbangi pelaburan swasta yang menjadi sederhana akibat aktiviti perkilangan yang lebih perlahan dan sentimen perniagaan yang lemah. Sementara itu, penggunaan swasta mampan berikutan sokongan daripada keadaan pasaran pekerja.

Pertumbuhan kebanyakan ekonomi serantau meningkat sedikit dengan tanda-tanda awal bahawa eksport semakin pulih dan permintaan dalam negeri yang berterusan. Pada suku keempat, pertumbuhan di Republik Rakyat (RR) China kekal pada 6.0%, disokong terutamanya oleh pelaburan yang lebih kukuh dalam keadaan aktiviti pengeluaran yang meningkat. Di Singapura, pertumbuhan menunjukkan sedikit peningkatan disebabkan oleh prestasi eksport yang semakin bertambah baik, terutamanya di negara serantau dan di AS.

**Pertumbuhan sederhana dalam kebanyakan ekonomi pada S4 2019**


Rajah 1: Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih




Sumber: Pihak berkuasa negara

**Pertumbuhan eksport serantau bertambah baik pada S4 2019**


Rajah 2: Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih (dalam Dolar AS)




Sumber: Pihak berkuasa negara

**Volatiliti pasaran kewangan antarabangsa reda pada S4 2019**

Rajah 3: Indeks Volatiliti (VIX) Chicago Board Options Exchange (CBOE)




Sumber: Bloomberg

## Pertumbuhan eksport serantau pulih sedikit

Pada suku keempat, eksport beberapa ekonomi serantau menunjukkan tanda-tanda pemulihan. Eksport barangan dari RR China meningkat semula kepada 1.9%, daripada penguncupan yang kecil sebanyak 0.3%. Keadaan ini disokong oleh permintaan yang meningkat daripada ekonomi ASEAN dan Kesatuan Eropah. Di China Taipei, eksport barangan juga pulih kembali, didorong oleh peningkatan yang menyeluruh merentas semua segmen produk. Eksport dari Korea, Indonesia dan Singapura masih menguncup, tetapi tahap penurunan itu telah berkurang berbanding dengan suku sebelumnya.

## Volatiliti pasaran kewangan lebih rendah

Volatiliti pasaran kewangan global adalah lebih rendah pada suku keempat. Sentimen positif yang didorong oleh pengumuman data berkaitan perdagangan yang bertambah baik menyebabkan berlakunya peningkatan harga merentasi ekonomi utama. Menjelang akhir suku keempat, peningkatan pasaran terus disokong oleh harapan terhadap perjanjian perdagangan Fasa Satu antara AS dengan RR China dan muktamadnya perjanjian tersebut pada 15 Januari 2020.

Walau bagaimanapun, volatiliti naik mendadak sedikit sebelum pilihanraya umum di UK. Hal ini disebabkan oleh ketidakpastian mengenai keputusan pilihanraya dan hala tuju dasar selanjutnya yang mempengaruhi keputusan Brexit.

Harga minyak mentah Brent kekal stabil pada USD62 setong pada suku keempat 2019 apabila pelanjutan pengurangan pengeluaran secara suka rela oleh OPEC+ dan ketegangan geopolitik yang meningkat di Timur Tengah lebih daripada mengimbangi keadaan permintaan minyak global yang semakin sederhana.

# Perkembangan Ekonomi Malaysia

## SOROTAN PENTING


- **Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 3.6% pada suku keempat 2019.**
- **Inflasi keseluruhan menurun pada suku keempat manakala inflasi teras kekal stabil.**
- **Lebihan akaun semasa mengecil kepada RM7.6 bilion (2.0% daripada PNK).**

### Ekonomi Malaysia meningkat sebanyak 3.6% pada suku keempat 2019

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 3.6% pada suku keempat 2019 (S3 2019: 4.4%). Peningkatan ini disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih tinggi (7.4%; S3 2019: 5.4%). Walau bagaimanapun, pertumbuhan telah terjejas oleh kemerosotan eksport bersih. Dari segi penawaran, pertumbuhan lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan dan pembinaan telah diimbangi gangguan bekalan dalam sektor komoditi. Berdasarkan pelarasan bermusim suku tahunan, ekonomi berkembang sebanyak 0.6% (S3 2019: 0.9%). Bagi keseluruhan tahun 2019, ekonomi mencatat pertumbuhan sebanyak 4.3% (2018: 4.7%).

**Pertumbuhan berterusan pada S4 2019**


Rajah 4: Pertumbuhan KDNK Benar




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Aktiviti sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan


Rajah 5: Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Penguncupan yang lebih kecil dalam pembentukan modal tetap kasar

Rajah 6: Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset




* Aset-aset lain termasuk penerokaan mineral, penyelidikan & pembangunan dan penanaman modal.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Permintaan dalam negeri terus menyokong pertumbuhan

Pertumbuhan didorong oleh permintaan dalam negeri, dalam keadaan prestasi eksport bersih yang lemah. Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 4.9% (S3 2019: 3.5%), dipacu oleh aktiviti sektor swasta yang lebih menggalakkan.

Pertumbuhan penggunaan swasta meningkat kepada 8.1% (S3 2019: 7.0%), didorong oleh pertumbuhan positif dalam pendapatan dan guna tenaga. Peningkatan penggunaan swasta telah disokong oleh perbelanjaan yang berterusan terhadap barangan keperluan asas seperti makanan dan pengangkutan, dan perbelanjaan berkaitan dengan riadah seperti restoran dan hotel, serta perkhidmatan rekreasi.

Penggunaan awam berkembang sebanyak 1.3% (S3 2019: 1.0%), disokong oleh pertumbuhan perbelanjaan emolumen yang lebih tinggi. Perbelanjaan Kerajaan ke atas bekalan dan perkhidmatan terus menurun tetapi pada kadar yang lebih kecil.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) mencatatkan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 0.7% (S3 2019: -3.7%), didorong terutamanya oleh perbelanjaan modal sektor swasta yang lebih tinggi. Dari segi jenis aset, pelaburan dalam struktur dan juga jentera dan kelengkapan menjadi bertambah baik, dengan pertumbuhan masing-masing sebanyak 0.1% (S3 2019: -2.4%) dan -2.6% (S3 2019: -7.4%). Pelaburan dalam struktur disokong oleh pelaksanaan projek kejuruteraan awam dan pemulihan dalam segmen kediaman.

Pelaburan swasta meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 4.2% (S3 2019: 0.3%), dipacu terutamanya oleh pelaburan yang berterusan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Khususnya, perbelanjaan modal yang lebih tinggi dalam perkhidmatan pengangkutan dan perkilangan berkaitan pembinaan telah menyumbang kepada prestasi pertumbuhan.

Pelaburan awam mencatatkan kemerosotan lebih kecil sebanyak 7.7% (S3 2019: -14.1%). Hal ini disebabkan oleh penguncupan lebih kecil dalam perbelanjaan modal perbadanan awam dalam keadaan pelaburan Kerajaan Am yang lemah.

## Pertumbuhan lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan dan pembinaan diimbangi oleh gangguan bekalan dalam sektor komoditi


Sektor perkhidmatan meningkat pada kadar yang lebih pantas (6.1%; S3 2019: 5.9%). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh perbelanjaan berkaitan pengguna yang teguh, terutamanya dalam subsektor makanan dan minuman serta penginapan, dan juga kenderaan bermotor. Subsektor kewangan dan insurans mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh peningkatan pendapatan berasaskan fi. Permintaan yang berterusan terhadap perkhidmatan komunikasi data menyumbang kepada pertumbuhan subsektor maklumat dan komunikasi, sementara pertumbuhan yang berterusan dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan sebahagian besarnya disokong oleh aliran trafik penumpang udara dan aktiviti berkaitan dengan pelabuhan.

Pertumbuhan sektor perkilangan menjadi sederhana (3.0%; S3 2019: 3.6%). Pengeluaran E&E telah terjejas berikutan permintaan global terhadap separa konduktor yang terus lemah. Gangguan pengeluaran dalam sektor komoditi juga telah memberikan kesan negatif ke atas kegiatan perkilangan hiliran. Pertumbuhan dalam kelompok berkaitan pengguna lebih lemah disebabkan terutamanya oleh penguncupan pengeluaran kelapa sawit. Dalam kelompok berasaskan sumber, pertumbuhan menjadi sederhana berikutan penutupan loji penapis minyak hiliran yang utama dan aktiviti pencecairan gas yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan yang sederhana ini telah ditampung oleh permulaan operasi loji penapisan minyak yang besar dan loji pengeluaran petrokimia di Johor.

Setelah mencatatkan pertumbuhan positif pada tiga suku pertama tahun 2019, sektor pertanian menguncup pada suku keempat (-5.7%; S3 2019: 3.7%). Penguncupan ini disebabkan oleh kemerosotan pengeluaran kelapa sawit akibat keadaan cuaca kering yang teruk serta pengurangan penggunaan baja pada awal tahun 2019.

**Kebanyakan sektor terus berkembang, manakala sektor perlombongan dan pertanian menguncup**


Rajah 7: Pertumbuhan Mengikut Sektor




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Sektor perkhidmatan dan perkilangan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan**

Rajah 8: KDNK Benar Mengikut Sektor Ekonomi





Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Inflasi keseluruhan lebih rendah berikutan luputnya kesan daripada pelaksanaan SST**

Rajah 9: Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada inflasi keseluruhan (mata peratusan)




[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak mengambil kira anggaran kesan langsung daripada perubahan dasar cukai penggunaan.

[2] Lain-lain termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan lain yang harganya ditadbir

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan sektor perlombongan merosot pada kadar yang lebih perlahan (-2.5%; S3 2019: -4.3%), mencerminkan penguncupan lebih kecil dalam pengeluaran minyak memandangkan pengeluaran telah kembali pulih secara beransur-ansur selepas selesainya kerja-kerja penyelenggaraan besar-besaran pada suku sebelumnya. Pengeluaran gas asli merosot akibat terjejas oleh penutupan sementara loji pengeluaran.

Sektor pembinaan kembali pulih (1.0%; S3 2019: -1.5%) pada suku keempat. Pemulihan ini disebabkan terutamanya oleh prestasi subsektor kediaman yang bertukar positif hasil daripada aktiviti dalam sektor perumahan mampu milik. Aktiviti dalam subsektor kejuruteraan awam juga meningkat, disokong oleh projek pengangkutan yang besar. Di samping itu, pertumbuhan lebih tinggi dalam subsektor perdagangan khas telah didorong terutamanya oleh projek tenaga suria yang sedang dilaksanakan serta kerja-kerja pemasangan dan peringkat akhir bagi penyiapan projek petrokimia dan projek pembangunan pelbagai. Walau bagaimanapun, subsektor bukan kediaman terus menguncup berikutan keadaan bekalan harta tanah komersial yang masih berlebihan.

## Inflasi keseluruhan menurun berikutan luputnya kesan pelaksanaan SST

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 1.0% pada suku keempat 2019 (S3 2019: 1.3%). Kadar inflasi yang lebih rendah ini terutamanya mencerminkan luputnya kesan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (*Sales and Services Tax*, SST). Inflasi bahan api terus menyumbang secara negatif kepada inflasi memandangkan harga siling bagi harga runcit bahan api domestik terus dikekalkan.

Inflasi teras kekal stabil pada 1.4% memandangkan tiada tekanan permintaan yang besar dalam ekonomi dan pengembangan upah sektor swasta yang sederhana.


## Keadaan pasaran pekerja bertambah baik

Keadaan pasaran pekerja bertambah baik pada suku keempat. Pertumbuhan guna tenaga meningkat (2.2%; S3 2019: 2.1%), manakala kadar pengangguran pula lebih rendah pada 3.2% (S3 2019: 3.3%), apabila pertambahan guna tenaga melebihi pengembangan tenaga kerja pada suku tersebut.

Upah sektor swasta meningkat sedikit kepada 3.9% (S3 2019: 3.8%), didorong oleh peningkatan upah yang kukuh dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Upah bagi perkhidmatan persendirian meningkat sebanyak 4.2% (S3 2019: 4.1%), disokong oleh pertumbuhan upah dalam subsektor perdagangan borong dan runcit (3.7%; S3 2019: 3.6%) dan subsektor pengangkutan dan penyimpanan (2.8%; S3 2019: 2.6%). Dalam sektor perkilangan, upah berkembang sebanyak 3.3% (S3 2019: 3.2%), disebabkan terutamanya oleh upah yang lebih tinggi dalam industri berorientasikan pasaran dalam negeri, khususnya makanan, minuman dan tembakau (3.9%; S3 2019: 2.4%) dan juga keluaran mineral bukan logam dan produk logam (3.0%; S3 2019: 1.9%). Walau bagaimanapun, upah dalam industri E&E menjadi sederhana (3.8%; S3 2019: 4.1%) disebabkan oleh permintaan yang berterusan lemah terhadap keluaran E&E.

### Pertumbuhan guna tenaga yang lebih kukuh


Rajah 10: Pertumbuhan Guna Tenaga




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Upah sektor swasta meningkat sedikit

Rajah 11: Upah Sektor Swasta*





* Upah sektor swasta diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Perangkaan Pembuatan Bulanan dan Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Data ini merangkumi 62.9% daripada jumlah guna tenaga.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

### Eksport perkilangan dan komoditi merosot dengan lebih ketara

Rajah 12: Eksport Kasar Mengikut Keluaran

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)





Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Permintaan yang semakin perlahan daripada ekonomi serantau

Rajah 13: Eksport Kasar Mengikut Pasaran

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Eksport merosot manakala import menguncup dengan lebih perlahan

Pada suku keempat 2019, eksport kasar merosot 3.3% (S3 2019: -1.9%), disebabkan oleh eksport perkilangan dan komoditi yang merosot. Import kasar menguncup dengan lebih perlahan pada 4.0% (S3 2019: -5.8%), disebabkan terutamanya oleh pemulihan import barangan pengantara dan penguncupan lebih kecil dalam import barangan modal. Lebihan perdagangan[1] meningkat kepada RM36.5 bilion (S3 2019: RM33.5 bilion).

Eksport barangan perkilangan merosot sebanyak 1.2% (S3 2019:-0.6%), disebabkan terutamanya oleh kemerosotan eksport E&E (-6.5%; S3 2019: -4.9%) berikutan eksport yang lebih rendah ke AS, RR China dan ekonomi serantau. Keadaan ini sebahagiannya mencerminkan kelembapan jualan separa konduktor pada peringkat global. Sebaliknya, eksport bukan E&E terus berkembang. Eksport komoditi mencatatkan kemerosotan yang lebih besar (-14.3%; S3 2019: -10.0%) akibat penguncupan yang ketara dalam eksport gas asli cecair (-25.2%; S3 2019: 4.1%), berikutan penutupan sementara loji pengeluaran serta harga yang lebih rendah.

Pertumbuhan import barangan pengantara bertukar positif pada suku keempat (0.9%; S3 2019: -3.0%), disebabkan terutamanya oleh import barangan perindustrian yang lebih tinggi, seperti logam dan keluaran logam, serta alat ganti dan aksesori barangan modal. Import barangan modal merosot pada kadar yang lebih kecil (-8.9%; S3 2019: -15.5%), disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap kapal maritim, kapal terbang dan kelengkapan pejabat.

[1] Perbezaan antara lebihan barangan dengan lebihan perdagangan timbul berikutan pengecualian barangan untuk pemprosesan, penyimpanan dan pengedaran dalam akaun barangan seperti yang terdapat dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi Keenam (*Balance of Payments and International Investment Position Manual*, BPM6) IMF.

## Lebihan akaun semasa berkurang

Lebihan akaun semasa imbangan pembayaran berjumlah RM7.6 bilion atau 2.0% daripada PNK pada suku keempat 2019 (S3 2019: RM11.5 bilion atau 3.1% daripada PNK). Walau bagaimanapun, lebihan barangan yang meningkat diimbangi defisit pendapatan dan perkhidmatan yang lebih besar.

Berikutan kemerosotan dalam import melebihi eksport, lebihan akaun barangan meningkat kepada RM32.8 bilion (S3 2019: RM30.8 bilion).


Dalam akaun perkhidmatan, defisit adalah lebih tinggi sebanyak RM4.0 bilion (S3 2019: -RM1.6 bilion) pada suku keempat. Hal ini disebabkan terutamanya oleh kemerosotan dalam lebihan akaun perjalanan (RM6.4 bilion; S3 2019: RM9.5 bilion) berikutan jumlah ketibaan pelancong yang berkurang.

Akaun pendapatan primer mencatatkan defisit yang lebih besar sebanyak RM15.7 bilion (S3 2019: -RM12.2 bilion), mencerminkan terutamanya pendapatan pelaburan terakru yang lebih tinggi kepada pelabur asing di Malaysia.

Defisit dalam akaun pendapatan sekunder berjumlah RM5.5 bilion (S3 2019: -RM5.5 bilion), mencerminkan pengiriman wang keluar yang berterusan oleh pekerja asing.

**Defisit pendapatan dan perkhidmatan yang lebih tinggi**


Rajah 14: Imbangan akaun semasa




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Aliran masuk bersih dalam akaun perlaburan langsung

Rajah 15: Aliran Pelaburan Langsung Bersih Mengikut Sektor





Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk aliran masuk bersih. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

### Aliran keluar bersih dalam akaun pelaburan portfolio disebabkan oleh pelabur pemastautin

Rajah 16: Pelaburan Portfolio




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

## Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM0.6 bilion (S3 2019: -RM1.3 bilion), disebabkan oleh aliran keluar pelaburan portfolio yang lebih rendah sementara akaun perlaburan langsung mencatatkan aliran masuk bersih.

Akaun pelaburan langsung kembali pulih untuk mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM2.2 bilion (S3 2019: aliran keluar bersih sebanyak RM0.8 bilion), mencerminkan pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI) yang lebih tinggi dan aliran keluar pelaburan luar negeri (*direct investment abroad*, DIA) yang lebih kecil. FDI mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM3.7 bilion pada suku keempat (S3 2019: +RM2.9 bilion) dan ini disalurkan terutamanya ke dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan bukan kewangan, khususnya subsektor perdagangan borong dan runcit. DIA oleh syarikat Malaysia mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM1.5 bilion (S3 2019: -RM3.7 bilion). Kebanyakan daripada aliran keluar ini disalurkan ke dalam sektor perlombongan dan perkhidmatan kewangan.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM2.8 bilion (S3 2019: -RM26.8 bilion), susulan aliran keluar yang lebih sederhana daripada pelabur pemastautin dan pelaburan portfolio bukan pemastautin yang kembali semula. Pelaburan portfolio pemastautin mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil (RM13.4 bilion; S3 2019: -RM18.9 bilion). Pelabur institusi domestik terus membuat pembelian sekuriti ekuiti di luar negeri di samping menjual beberapa pemegangan sekuriti hutang asing. Bagi pelabur bukan pemastautin, sentimen pelabur yang bertambah baik berikutan perkembangan yang positif dalam rundingan perdagangan telah mendorong aliran masuk bersih sebanyak RM10.6 bilion ke dalam pasaran sekuriti hutang domestik (S3 2019: -RM7.9 bilion).

Akaun pelaburan lain mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih sedikit, sebanyak RM0.6 bilion (S3 2019: RM25.3 bilion). Hal ini mencerminkan pengeluaran pinjaman kepada sektor swasta yang hampir keseluruhannya diimbangi oleh penempatan bersih antara bank di luar negeri oleh bank pemastautin. Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah -RM9.4 bilion pada suku keempat atau -2.0% daripada jumlah perdagangan.

## Hutang luar negeri terurus


Hutang luar negeri Malaysia meningkat kepada RM946.3 bilion atau 62.6% daripada KDNK pada akhir bulan Disember 2019 (akhir bulan September 2019: RM916.4 bilion atau 60.7% daripada KDNK). Hutang luar negeri yang lebih tinggi ini mencerminkan terutamanya peningkatan deposit dan pembelian Sekuriti Kerajaan Malaysia oleh bukan pemastautin di samping meningkatnya peminjaman luaran oleh syarikat pemastautin. Keadaan ini sebahagiannya diimbangi oleh kesan penilaian berikutan nilai ringgit yang lebih kukuh berbanding dengan mata wang asing utama dan serantau terpilih dalam tempoh tersebut.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus, berdasarkan profil mata wang dan tempoh matang hutang. Hampir satu pertiga daripada hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit (32.8%; akhir bulan September 2019: 32.0%), dan ini terutamanya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin (bahagian sebanyak 64.8% daripada hutang luar negeri dalam denominasi ringgit) dan dalam deposit ringgit (bahagian sebanyak 17.9%) dalam institusi perbankan domestik. Namun, liabiliti tersebut tidak tertakluk kepada perubahan penilaian yang mungkin timbul akibat turun naik dalam kadar pertukaran ringgit.

Baki hutang luar negeri (RM635.9 bilion atau 67.2% daripada jumlah hutang luar negeri) adalah dalam denominasi mata wang asing (*foreign currency*, FCY). Sektor korporat mencakupi hampir separuh daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY dan kebanyakannya tertakluk kepada keperluan kehematan dan perlindungan nilai supaya peminjaman sedemikian tidak menimbulkan risiko makroekonomi yang besar. Bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir yang mencakupi 24.5% daripada jumlah hutang luar negeri dalam denominasi FCY, berjumlah RM155.5 bilion pada akhir bulan Disember 2019. Hutang luar negeri ini kebanyakannya diambil oleh syarikat bukan kewangan dan disalurkan terutamanya untuk membiayai pemerolehan aset di luar negeri. Pinjaman antara syarikat yang berjumlah RM89.8 bilion atau 14.1% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY, lazimnya dikenakan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi.

### Hutang luar negeri lebih tinggi pada S4 2019

Rajah 17: Perubahan dalam Hutang Luar Negeri
Perubahan bersih[1]: +RM29.9 bilion





[1] Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

**Hutang dalam denominasi mata wang asing tertakluk kepada amalan pengurusan mudah tunai berhemat dan keperluan melindung nilai**

Rajah 18: Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (% bahagian)




[1]Termasuk kredit perdagangan dan pelbagai, seperti tuntutan insurans yang belum dibayar dan faedah belum bayar bagi bon dan nota

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Peminjaman antara bank dan deposit dalam denominasi FCY dalam sistem perbankan domestik mencakupi 38.6% (atau RM245.3 bilion) daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY. Kira-kira tiga perempat daripada peminjaman antara bank adalah dalam bentuk peminjaman antara kumpulan yang kebanyakannya stabil, termasuk peminjaman daripada bank induk, pejabat serantau dan anak syarikat. Hal ini mencerminkan amalan pengurusan mudah tunai dan pendanaan berpusat oleh bank. Risiko mata wang asing, yang diukur dari segi kedudukan terbuka bersih pendedahan dalam denominasi FCY[2], kekal rendah pada 4.4% daripada jumlah modal bank.

Dari segi tempoh matang, 58.6% daripada jumlah hutang luar negeri lebih cenderung kepada tempoh jangka sederhana hingga panjang (akhir bulan September 2019: 57.0%), lantas menunjukkan risiko pelanjutan (*rollover risks*) yang terhad. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi baki 41.4% daripada jumlah hutang luar negeri. Hampir separuh daripada hutang luar negeri jangka pendek merupakan peminjaman antara kumpulan dalam kalangan bank dan syarikat, yang pada amnya stabil dan pada kadar konsesi manakala 12.2% berikutnya merupakan kredit perdagangan yang sebahagian besarnya bersandarkan perolehan eksport. Pada 31 Januari 2020, rizab antarabangsa berjumlah USD104.2 bilion, yang mencukupi untuk membiayai 7.5 bulan import tertangguh, dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

[2] Merujuk jumlah agregat kedudukan mata wang asing bersih jangka pendek atau panjang bagi semua mata wang di seluruh bank.

# Perkembangan Monetari dan Kewangan

## SOROTAN PENTING

- **Ringgit menambah nilai susulan aliran masuk semula portfolio bukan pemastautin berikutan perkembangan global yang positif.**
- **Sentimen pelabur yang kembali pulih telah membawa kepada prestasi pasaran bon dan ekuiti domestik yang bertambah baik.**


### Prestasi pasaran kewangan domestik bertambah baik pada suku keempat

Keadaan pasaran kewangan domestik bertambah baik pada suku keempat dan ini terutamanya berikutan aliran masuk semula portfolio bukan pemastautin. Hal ini didorong sebahagian besarnya oleh perkembangan yang positif dalam rundingan perdagangan global serta pelonggaran dasar monetari global yang menyumbang kepada sentimen pelabur yang bertambah baik.

Walaupun pasaran kewangan domestik telah dipengaruhi oleh beberapa episod ketidaktentuan ekoran ketegangan perdagangan sepanjang suku keempat, sentimen pelabur menjadi lebih baik berikutan pengumuman perjanjian perdagangan Fasa Satu antara AS dengan RR China pada bulan Disember 2019. Perjanjian ini kemudiannya ditandatangani pada 15 Januari 2020. Langkah beberapa buah bank pusat utama, termasuk AS, mengurangkan kadar dasar secara selaras pada suku keempat turut menyumbang kepada peningkatan kesanggupan pelabur global untuk mengambil risiko.

**Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sejajar dengan kebanyakan mata wang serantau**


Rajah 19: Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding dengan Dolar AS (1 Oktober - 31 Disember 2019)




Sumber: Bank Negara Malaysia

### Keluk kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia menurun berikutan aliran masuk portfolio bukan pemastautin


Rajah 20: Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia




Sumber: Bank Negara Malaysia

### Prestasi pasaran ekuiti domestik bertambah baik sejajar dengan trend serantau

Rajah 21: Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau




Sumber: Bloomberg

Gabungan sentimen pengambilan risiko (*risk-on*) dan kadar faedah global yang lebih rendah mendorong aliran masuk portfolio ke dalam pasaran bon domestik. Berikutan itu, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities*, MGS) 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun menurun, masing-masing sebanyak 9.5, 5.7 dan 3.4 mata asas.

Pasaran ekuiti domestik juga bertambah baik didorong oleh kesanggupan pelabur yang lebih tinggi untuk mengambil risiko. Kesannya, FBM KLCI meningkat sebanyak 0.3% untuk ditutup pada 1,589 mata pada akhir bulan Disember (akhir bulan September: 1,584 mata).

Susulan perkembangan tersebut, ringgit juga menambah nilai sebanyak 2.3% berbanding dengan dolar AS pada suku keempat, sejajar dengan trend kebanyakan mata wang serantau.


## Kadar faedah kekal stabil pada suku keempat

Kadar faedah antara bank nominal pada amnya stabil pada suku keempat. Walau bagaimanapun, Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (*Kuala Lumpur Interbank Offered Rate*, KLIBOR) 3 bulan menurun sedikit selepas pengumuman pengurangan nisbah Keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement*, SRR) pada bulan November 2019, dan mengakhiri suku keempat pada 3.35% (S3 2019: 3.38%). Selain itu, kadar pinjaman runcit kekal stabil dengan kadar asas (*base rate*, BR) purata berwajaran dan kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul masing-masing pada 3.68% (S3 2019: 3.68%) dan 5.16% (S3 2019: 5.18%).

Kadar deposit tetap (*fixed deposit*, FD) benar meningkat pada suku keempat dalam keadaan inflasi keseluruhan yang lebih rendah. Khususnya, kadar FD benar 3 bulan dan 12 bulan meningkat masing-masing kepada 1.90% (S3 2019: 1.75%) dan 2.09% (S3 2019: 1.99%).

**Kadar faedah dalam pasaran antara bank dan pasaran runcit pada amnya stabil**


Rajah 22: Kadar Dasar, Kadar Antara Bank dan Kadar Pinjaman (pada akhir tempoh)




Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

**Kadar deposit benar meningkat, mencerminkan inflasi yang lebih rendah pada suku keempat**


Rajah 23: Kadar Deposit Tetap Benar mengikut Tempoh Matang (pada akhir tempoh)




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Lebihan mudah tunai ringgit terkumpul di Bank kekal stabil**


Rajah 24: Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Pembiayaan bersih terus berkembang, disokong oleh pertumbuhan pinjaman yang berterusan**

Rajah 25: Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih




* Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

## Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan

Tahap lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank secara relatif kekal stabil, mencerminkan aliran masuk bersih yang kecil pada suku keempat. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan kedudukan lebihan mudah tunai dengan Bank.

Pengurangan nisbah SRR telah meningkatkan mudah tunai yang tersedia untuk bank lantas memberikan fleksibiliti yang lebih tinggi kepada bank dalam pengurusan mudah tunai. Hal ini dicerminkan oleh peningkatan penempatan pasaran wang di Bank pada akhir suku keempat.

## Pembiayaan bersih terus berkembang

Pada suku keempat, pembiayaan bersih berkembang 4.7% pada asas tahunan (S3 2019: 4.8%), disokong oleh pertumbuhan pinjaman terkumpul[3] yang berterusan (S3 2019: 3.5%; S4 2019: 3.5%). Namun, pertumbuhan bon korporat terkumpul[4] menjadi sederhana sedikit kepada 8.0% pada suku tersebut (S3 2019: 9.0%) berikutan penebusan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, terbitan bon korporat adalah lebih tinggi merentas kebanyakan sektor lain. Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul meningkat kepada 2.4% (S3 2019: 1.6%), didorong oleh pinjaman lebih tinggi kepada sektor perkilangan dan prestasi pinjaman yang bertambah baik bagi kebanyakan sektor. Bagi segmen isi rumah, pertumbuhan pinjaman terkumpul dalam tempoh yang sama kekal stabil pada 4.7% (S3 2019: 4.6%). Hal ini berikutan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi untuk pembelian harta kediaman, kad kredit dan kegunaan peribadi. Permintaan untuk pinjaman perniagaan dan pinjaman isi rumah pada amnya stabil seperti yang ditunjukkan oleh permohonan pinjaman[5].

[3] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[4] Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.
[5] Permohonan pinjaman dalam sistem perbankan sahaja.

# Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

## SOROTAN PENTING

- **MPC menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 2.75% pada mesyuarat yang berlangsung pada bulan Januari 2020. Pelarasan ini merupakan langkah awalan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi dalam keadaan harga yang stabil.**

## OPR kekal akomodatif

Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee*, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) pada 3.00% pada mesyuarat yang berlangsung pada bulan November 2019. Pada mesyuarat yang berlangsung pada bulan Januari 2020 baru-baru ini, MPC menurunkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 2.75%. Oleh itu, kadar koridor tertinggi dan terendah bagi OPR masing-masing diturunkan kepada 3.00% dan 2.50%. Pelarasan OPR itu merupakan langkah awalan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi dalam keadaan harga yang stabil.

Dalam penilaian MPC, ekonomi global dijangka terus berkembang pada kadar yang sederhana. Penunjuk terkini dan pertikaian perdagangan yang semakin reda baru-baru ini menunjukkan aktiviti perdagangan global menjadi bertambah baik. Pelonggaran dasar monetari merentas ekonomi utama pada separuh kedua tahun 2019 telah membantu melegakan keadaan kewangan dan langkah ini dijangka terus menyokong aktiviti ekonomi. Walau bagaimanapun, masih wujudnya risiko pertumbuhan ekonomi global menjadi lebih rendah disebabkan oleh ketegangan geopolitik dan ketidakpastian dasar di beberapa buah negara. Hal ini boleh mengakibatkan mendadaknya semula keadaan volatiliti di pasaran kewangan sekali gus menjejaskan prospek pertumbuhan global.

MPC menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2020 akan terus disokong oleh perbelanjaan sektor swasta. Namun begitu, masih wujud risiko pertumbuhan menjadi lebih rendah. Risiko ini termasuk ketidakpastian tentang pelbagai rundingan perdagangan, risiko geopolitik, pertumbuhan yang lebih rendah daripada jangkaan bagi rakan-rakan perdagangan utama Malaysia, volatiliti pasaran kewangan yang ketara, dan faktor-faktor dalam negeri termasuk kelemahan dalam sektor komoditi dan kelewatan pelaksanaan projek.

MPC membuat penilaian bahawa purata inflasi keseluruhan pada tahun 2020 dijangka lebih tinggi tetapi kekal pada kadar yang sederhana. Trajektori inflasi keseluruhan akan bergantung pada perkembangan harga minyak dan harga komoditi sedunia serta masa pemansuhan harga siling bagi harga runcit bahan api domestik. Inflasi asas pada amnya dijangka stabil mencerminkan kegiatan ekonomi yang terus berkembang dan ketiadaan tekanan permintaan yang besar.

Impak wabak koronavirus terhadap prestasi ekonomi akan bergantung pada keseriusan dan tempoh masa penularan wabak. Perkembangannya yang kian berubah turut memerlukan pemantauan yang berterusan.

## Sorotan dasar lain pada suku keempat 2019

| Sorotan dasar | Keperluan penting |
|---|---|
| **Kenali-Pelanggan-Anda secara Elektronik (*Electronic Know-Your-Customer*, e-KYC) – Draf Dedahan** | • Draf dedahan yang diterbitkan pada 16 Disember 2019 ini menetapkan keperluan yang dicadangkan bagi perlaksanaan e-KYC untuk pendaftaran pelanggan institusi kewangan.<br>• Keperluan yang dicadangkan ini bertujuan untuk menggalakkan:<br>o Pendaftaran pelanggan secara digital berjalan dengan selamat dan terjamin;<br>o Kos pendaftaran pelanggan bagi pengguna dan penyedia perkhidmatan menjadi lebih rendah; dan<br>o Peningkatan inovasi dan penawaran perkhidmatan kewangan digital yang lengkap sepenuhnya kepada pengguna.<br>• Dokumen dasar yang muktamad dijangka diterbitkan pada tahun 2020. |
| **Layanan yang Adil bagi Pengguna Kewangan – Dokumen Dasar** | • Dokumen dasar ini diterbitkan pada 6 November 2019 untuk menggalakkan layanan yang adil dan amalan yang profesional dalam kalangan penyedia perkhidmatan kewangan (*financial service provider*, FSP).<br>• Dokumen dasar ini menetapkan harapan supaya institusi kewangan melayan pelanggan mereka secara adil dengan memastikan, antara lain, bahawa mereka–<br>o tidak dikenakan terma kontrak yang berat sebelah;<br>o diberikan maklumat yang jelas, relevan dan tepat pada masanya serta nasihat yang sesuai untuk memudahkan mereka membuat keputusan; dan<br>o menerima layanan dari segi pengendalian aduan dan tuntutan mereka secara cepat, adil dan berkesan.<br>• Dokumen dasar ini akan berkuatkuasa pada 6 Mei 2020, melainkan keperluan mengenai terma kontrak yang adil, yang akan berkuatkuasa mulai 6 November 2020. |
| **Rangka Kerja Pelesenan bagi Bank Digital – Draf Dedahan** | • Draf dedahan ini diterbitkan pada 27 Disember 2019 untuk perundingan awam sehingga hujung Februari 2020.<br>• Draf dedahan ini bertujuan untuk membolehkan penubuhan bank digital yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dengan menangani jurang pasaran dalam segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan dan yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan.<br>• Bank digital dikehendaki mematuhi keperluan supaya mereka beroperasi dalam persekitaran yang terurus dalam tempoh tiga hingga lima tahun awal operasi. Tempoh ini berfungsi sebagai "fasa asas" untuk bank digital membuktikan kekukuhan dan daya maju operasi dan membolehkan Bank memantau prestasi dan risiko yang timbul (*attendant risk*). Pada fasa ini, bank digital akan tertakluk pada–<br>o keperluan dana modal minimum sebanyak RM100 juta yang tidak terjejas oleh kerugian;<br>o had ke atas jumlah aset tidak melebihi RM2 bilion; dan<br>o keperluan pengawalseliaan yang lebih mudah berkaitan dengan kecukupan modal, mudah tunai, ujian tekanan dan keperluan penzahiran awam. |

| | |
|---|---|
| **Pemetaan Tanggungjawab – Draf dedahan** | • Draf dedahan ini diterbitkan pada 27 Disember 2019 dengan menetapkan cadangan Bank untuk memperjelas peranan, tanggungjawab dan akauntabiliti individu yang memegang jawatan kepimpinan dalam institusi kewangan.<br>• Draf dedahan ini bertujuan untuk–<br>o memastikan tanggungjawab bagi fungsi utama dalam institusi kewangan diberikan kepada individu senior yang bersesuaian dalam institusi kewangan itu;<br>o memperjelas dan memperkukuh akauntabiliti individu yang telah diberikan tanggungjawab utama; dan<br>o menggalakkan institusi kewangan menilai dengan teliti sama ada agihan tanggungjawab kepada individu dalam pengurusan kanan adalah bersesuaian dengan amalan pengurusan risiko yang berkesan dengan mengambil kira saiz, skala dan kerumitan operasi institusi kewangan itu. |
| **Penilaian Liabiliti Insurans dan Takaful – Draf Dedahan** | • Draf dedahan yang diterbitkan pada 24 Disember 2019 ini mengandungi cadangan penambahbaikan kepada keperluan bagi penilaian liabiliti insurans dan takaful.<br>• Draf dedahan ini merupakan salah satu daripada komponen penting dalam rangka kerja kesolvenan. Draf ini bertujuan untuk memastikan penilaian liabiliti insurans dan takaful dapat menggambarkan obligasi aliran tunai kontrak insurans dan takaful dengan tepat dan konsisten serta boleh dibandingkan antara pelbagai jenis produk dan orang berlesen. |

# Tinjauan Makroekonomi

## SOROTAN PENTING

- **Kegiatan ekonomi global dijangka bertambah baik sedikit pada tahun 2020.**
- **Ekonomi Malaysia akan terus disokong oleh aktiviti sektor swasta pada tahun 2020.**
- **Purata inflasi keseluruhan bagi tahun 2020 diunjurkan lebih tinggi tetapi kekal pada kadar yang sederhana.**

## Pertumbuhan global dijangka bertambah baik sedikit pada tahun 2020

Pertumbuhan global dijangka meningkat sedikit pada tahun 2020 selepas mencatatkan prestasi paling lemah sejak Krisis Kewangan Global dengan kadar pertumbuhan sebanyak 2.9% pada tahun 2019. Aktiviti perdagangan akan disokong oleh perjanjian Fasa Satu antara AS dengan RR China.


Pertumbuhan ekonomi negara maju diunjurkan kekal tidak berubah. Ekonomi AS dijangka menjadi sederhana berikutan keadaan pasaran pekerja yang semakin lembap serta aktiviti pelaburan dan pengeluaran yang lemah. Di kawasan euro, pemulihan daripada gangguan pengeluaran dalam sektor perkilangan sebelum ini akan mencerahkan prospek pertumbuhan.

RR China dan negara serantau dijangka mendapat manfaat daripada prospek perdagangan yang bertambah baik susulan perjanjian Fasa Satu. Walau bagaimanapun, prospek pertumbuhan dalam masa terdekat dijangka terjejas akibat wabak koronavirus yang sedang menular. Sekatan yang dikenakan terhadap perjalanan domestik dan antarabangsa serta pelanjutan cuti Tahun Baharu Cina kepada banyak operasi pengeluaran dalam sektor perkilangan di RR China akan memberikan kesan terhadap aktiviti sektor swasta, khususnya pada suku pertama tahun 2020.

Secara keseluruhan, peningkatan risiko cenderung untuk menyebabkan prospek pertumbuhan global lebih rendah, berpunca terutamanya daripada risiko geopolitik, ketegangan perdagangan yang meningkat semula serta tahap keseriusan dan tempoh masa penularan wabak koronavirus. Faktor-faktor tersebut juga boleh menyebabkan keadaan volatiliti pasaran kewangan melonjak semula dan seterusnya menjejaskan prospek pertumbuhan global.

**Pertumbuhan global dijangka bertambah baik sedikit pada 2020**

Rajah 26: Pertumbuhan KDNK




*r* Ramalan

Sumber: Prospek Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (Januari 2020)

## Ekonomi Malaysia akan terus disokong oleh aktiviti sektor swasta pada tahun 2020

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 4.3% pada tahun 2019. Menjelang tahun 2020, khususnya pada suku pertama, kadar pertumbuhan akan terjejas akibat penularan wabak koronavirus. Sebahagian besar daripada impak wabak ini akan dialami oleh sektor berkaitan pelancongan. Sektor perkilangan juga dijangka turut menerima kesan daripada wabak ini berikutan gangguan terhadap rantaian bekalan global dan pertumbuhan ekonomi RR China yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, kesan keseluruhan akibat penularan wabak ini ke atas ekonomi Malaysia bergantung pada tempoh masa dan penyebaran wabak tersebut serta langkah tindak balas dasar oleh pihak berkuasa.

Bagi keseluruhan tahun 2020, pertumbuhan akan disokong oleh perbelanjaan isi rumah susulan pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga yang berterusan dalam keadaan tekanan harga yang sederhana. Pelaburan dijangka pulih sedikit disokong oleh pelaksanaan projek-projek pelaburan swasta yang diluluskan baru-baru ini serta perbelanjaan modal sektor awam yang lebih tinggi, khususnya dalam segmen berkaitan pengangkutan. Sektor luaran pula dijangka mendapat manfaat daripada pemulihan beransur-ansur dalam pertumbuhan dan perdagangan global.

Momentum pertumbuhan akan bergantung pada tahap risiko tinggi yang boleh mengakibatkan pertumbuhan menjadi lebih rendah dalam tempoh terdekat. Risiko paling utama ialah impak daripada tempoh penularan wabak koronavirus yang berlarutan. Selain itu, keadaan ekonomi dan kewangan global yang masih tidak menentu juga merupakan risiko. Dari segi domestik, punca utama risiko ialah kelemahan dalam sektor komoditi dan kelewatan pelaksanaan projek.

## Inflasi keseluruhan dijangka lebih tinggi tetapi kekal pada kadar yang sederhana pada tahun 2020

Purata inflasi keseluruhan tahunan diunjurkan lebih tinggi tetapi kekal pada kadar yang sederhana pada tahun 2020. Trajektori inflasi keseluruhan akan bergantung pada perkembangan harga minyak dan komoditi sedunia serta masa pemansuhan harga siling bagi harga runcit bahan api domestik.

Inflasi asas pada amnya dijangka stabil, mencerminkan kegiatan ekonomi yang terus berkembang dan ketiadaan tekanan permintaan yang besar.

# Tambahan

**Jadual 1**

**KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)**

| | Bahagian 2019 (%) | 2018 | | 2019 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S4 | Tahun | S3 | S4 | Tahun |
| | | Pertumbuhan tahunan (%) | | | | |
| Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok) | 94.1 | 5.7 | 5.5 | 3.5 | 4.9 | 4.3 |
| Sektor Swasta | 75.6 | 7.8 | 7.1 | 5.4 | 7.4 | 6.2 |
| *Penggunaan* | *58.8* | *8.4* | *8.0* | *7.0* | *8.1* | *7.6* |
| *Pelaburan* | *16.8* | *5.8* | *4.3* | *0.3* | *4.2* | *1.5* |
| Sektor awam | 18.5 | 0.0 | 0.1 | -4.6 | -2.2 | -2.7 |
| *Penggunaan* | *12.2* | *4.0* | *3.3* | *1.0* | *1.3* | *2.0* |
| *Pelaburan* | *6.3* | *-5.9* | *-5.0* | *-14.1* | *-7.7* | *-10.8* |
| Eksport Bersih | 7.3 | 15.5 | 11.4 | 15.9 | -9.8 | 8.9 |
| *Eksport Barangan dan Perkhidmatan* | *64.0* | *3.1* | *2.2* | *-1.4* | *-3.1* | *-1.1* |
| *Import Barangan dan Perkhidmatan* | *56.7* | *1.8* | *1.3* | *-3.3* | *-2.3* | *-2.3* |
| **KDNK** | **100.0** | **4.7** | **4.7** | **4.4** | **3.6** | **4.3** |
| **KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)** | **-** | **1.3** | **-** | **0.9** | **0.6** | **-** |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Jadual 2**

**KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)**

| | Bahagian 2019 (%) | 2018 | | 2019 | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 | S4 |
| | | Pertumbuhan tahunan (%) | | | | | |
| Perkhidmatan | 57.7 | 7.3 | 6.9 | 6.4 | 6.1 | 5.9 | 6.1 |
| Perkilangan | 22.3 | 5.0 | 4.7 | 4.2 | 4.3 | 3.6 | 3.0 |
| Perlombongan | 7.1 | -5.7 | -0.7 | -2.1 | 2.9 | -4.3 | -2.5 |
| Pertanian | 7.1 | -0.8 | -0.1 | 5.6 | 4.2 | 3.7 | -5.7 |
| Pembinaan | 4.7 | 4.7 | 2.6 | 0.3 | 0.5 | -1.5 | 1.0 |
| **KDNK Benar** | **100.0[1]** | **4.4** | **4.7** | **4.5** | **4.9** | **4.4** | **3.6** |

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3

## Imbangan Pembayaran[1]

| | 2018 | | 2019 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S4 | Tahun | S3 | S4 | Tahun |
| | RM bilion | | | | |
| **Akaun Semasa** | **10.8** | **30.6** | **11.5** | **7.6** | **49.7** |
| *(% daripada PNK)* | 3.0 | 2.2 | 3.1 | 2.0 | 3.4 |
| Barangan | 32.7 | 119.2 | 30.8 | 32.8 | 125.5 |
| Perkhidmatan | -3.8 | -17.7 | -1.6 | -4.0 | -10.9 |
| Pendapatan primer | -12.9 | -51.6 | -12.2 | -15.7 | -43.5 |
| Pendapatan sekunder | -5.2 | -19.3 | -5.5 | -5.5 | -21.4 |
| **Akaun Kewangan** | **-6.1** | **18.6** | **-1.3** | **-0.6** | **-34.3** |
| Pelaburan langsung | 2.1 | 11.3 | -0.8 | 2.2 | 9.4 |
| *Aset* | *-10.0* | *-23.3* | *-3.2* | *-6.0* | *-27.6* |
| *Liabiliti* | *12.1* | *34.6* | *2.5* | *8.2* | *37.0* |
| Pelaburan portfolio | -5.8 | -44.4 | -26.8 | -2.8 | -37.7 |
| *Aset* | *-3.3* | *-9.1* | *-18.9* | *-13.4* | *-48.7* |
| *Liabiliti* | *-2.5* | *-35.3* | *-7.9* | *10.6* | *11.0* |
| Derivatif kewangan | -0.7 | 1.0 | 0.9 | -0.6 | -0.4 |
| Pelaburan lain | -1.8 | 50.7 | 25.3 | 0.6 | -5.7 |
| Kesilapan dan ketinggalan bersih[2] | -10.8 | -41.3 | -3.7 | -9.4 | -7.2 |
| **Imbangan Keseluruhan** | **-6.1** | **7.8** | **6.4** | **-2.1** | **8.5** |

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada penilaian semula nilai rizab antarabangsa. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

## Jadual 4

### Hutang Luar Negeri Terkumpul

| | 2018 | 2019 | |
|---|---|---|---|
| | akhir Dis | akhir Sep | akhir Dis |
| | RM bilion | | |
| **Jumlah hutang luar negeri** | **924.9** | **916.4** | **946.3** |
| *Bersamaan dengan USD bilion* | *221.0* | *216.7* | *228.5* |
| **Mengikut instrumen** | | | |
| Bon dan nota[1] | 153.2 | 156.2 | 156.0 |
| Peminjaman antara bank[1] | 204.1 | 204.3 | 199.8 |
| Pinjaman antara syarikat berkaitan[1] | 136.5 | 129.3 | 128.0 |
| Pinjaman[1] | 73.2 | 70.5 | 78.6 |
| Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin | 180.2 | 188.3 | 201.0 |
| Deposit bukan pemastautin | 98.2 | 90.5 | 102.9 |
| Lain-lain[2] | 79.5 | 77.4 | 79.9 |
| **Profil tempoh matang** | | | |
| Jangka sederhana dan panjang | 519.6 | 522.6 | 554.5 |
| Jangka pendek | 405.3 | 393.8 | 391.8 |
| **Denominasi mata wang** | | | |
| Ringgit | 279.7 | 293.5 | 310.4 |
| Asing | 645.2 | 623.0 | 635.9 |
| Jumlah hutang/KDNK (%) | 63.9 | 60.7 | 62.6 |
| Hutang jangka pendek/Jumlah hutang (%) | 43.8 | 43.0 | 41.4 |
| Rizab/Hutang jangka pendek (kali) | 1.0 | 1.1 | 1.1[3] |

[1] Instrumen hutang terkandung dalam peminjaman luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain.
[3] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 31 Januari 2020.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

## Jadual 5

### Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal

| | 2018 | | 2019 | | | 2018 | | 2019 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | S4 | Tahun | S3 | S4 | Tahun | S4 | Tahun | S3 | S4 | Tahun |
| | Perubahan dalam tempoh (RM bilion) | | | | | Pertumbuhan tahunan (%) | | | | |
| **Jumlah pembiayaan bersih** | **30.2** | **166.1** | **19.1** | **27.0** | **114.4** | **7.3** | **7.3** | **4.8** | **4.7** | **4.7** |
| Pinjaman terkumpul[1,2] | 23.3 | 120.9 | 18.9 | 25.4 | 65.5 | 7.0 | 7.0 | 3.5 | 3.5 | 3.5 |
| *Antaranya:* | | | | | | | | | | |
| Perusahaan perniagaan | 4.2 | 35.3 | 2.6 | 9.4 | 15.5 | 5.7 | 5.7 | 1.6 | 2.4 | 2.4 |
| *PKS[3]* | *-0.3* | *4.5* | *-2.3* | *-36.7* | *-41.4* | *1.4* | *1.4* | *-1.6* | *-12.9* | *-12.9* |
| *Bukan PKS* | *4.5* | *30.9* | *4.9* | *46.1* | *56.9* | *10.0* | *10.0* | *4.6* | *16.8* | *16.8* |
| Isi rumah | 14.1 | 77.3 | 13.0 | 15.9 | 50.5 | 7.8 | 7.8 | 4.6 | 4.7 | 4.7 |
| Bon korporat terkumpul[4] | 6.9 | 45.2 | 0.2 | 1.6 | 48.9 | 8.0 | 8.0 | 9.0 | 8.0 | 8.0 |

[1] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Bermula bulan Jun 2019, data dari bulan April 2018 disemak semula untuk mengambil kira data bank perdagangan berlesen yang baharu (MBSB Bank Berhad). Ia sebelum ini dikelaskan sebagai institusi kewangan bukan bank. Dengan mengambil kira data pinjaman terkumpul ini, kadar pertumbuhan tahunan pembiayaan menjadi lebih tinggi untuk tempoh sementara dari S2 2018 hingga S1 2019. Hal ini disebabkan oleh asas yang lebih rendah pada tahun-tahun sebelumnya.
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[3] Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang sedang dilakukan oleh institusi kewangan. Sejak Januari 2018, jumlah bersih sebanyak RM60.4 bilion daripada pinjaman terkumpul PKS dikelaskan semula sebagai pinjaman terkumpul bukan PKS. Daripada jumah tersebut, RM38.3 bilion telah dikelaskan semula pada suku keempat 2019.
[4] Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 6

## Penunjuk Pinjaman

| | 2018 | | 2019 | | | 2018 | | 2019 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | S4 | Tahun | S3 | S4 | Tahun | S4 | Tahun | S3 | S4 | Tahun |
| | Pada tempoh (RM bilion) | | | | | Pertumbuhan tahunan (%) | | | | |
| **Jumlah** | | | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman[1] | 202.9 | 868.9 | 229.5 | 225.6 | 877.8 | -6.7 | 3.3 | -1.9 | 11.1 | 1.0 |
| Kelulusan pinjaman[1] | 104.9 | 401.9 | 106.2 | 103.3 | 410.1 | 0.8 | 5.7 | 0.4 | -1.5 | 2.0 |
| Pengeluaran pinjaman[2] | 342.1 | 1,260.4 | 315.8 | 334.6 | 1,275.5 | 10.4 | 7.6 | 0.1 | -2.2 | 1.2 |
| Bayaran balik pinjaman[2] | 334.4 | 1,241.2 | 312.6 | 324.0 | 1,270.1 | 11.4 | 7.1 | 1.1 | -3.1 | 2.3 |
| **Antaranya**: | | | | | | | | | | |
| **Perusahaan perniagaan[3]** | | | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 88.6 | 386.9 | 106.0 | 106.4 | 400.9 | -11.4 | 4.5 | 3.6 | 20.1 | 3.6 |
| Kelulusan pinjaman | 51.9 | 188.5 | 48.5 | 49.7 | 191.5 | 0.7 | 6.1 | -1.2 | -4.4 | 1.6 |
| Pengeluaran pinjaman | 249.2 | 901.3 | 222.2 | 236.4 | 899.9 | 13.4 | 7.8 | -1.3 | -5.1 | -0.2 |
| Bayaran balik pinjaman | 245.9 | 891.7 | 221.9 | 231.1 | 902.9 | 13.6 | 6.9 | -0.5 | -6.0 | 1.3 |
| **PKS[4]** | | | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 43.7 | 184.2 | 51.8 | 51.0 | 195.4 | -8.4 | 3.9 | 8.8 | 16.7 | 6.1 |
| Kelulusan pinjaman | 16.4 | 66.1 | 17.4 | 17.9 | 67.4 | -11.3 | 2.4 | -3.4 | 9.2 | 1.9 |
| Pengeluaran pinjaman | 81.0 | 308.1 | 72.8 | 71.0 | 295.8 | 3.3 | 4.0 | -6.1 | -12.4 | -4.0 |
| Bayaran balik pinjaman | 79.6 | 305.0 | 74.7 | 74.9 | 302.9 | 8.4 | 6.6 | -2.4 | -5.9 | -0.7 |
| **Bukan PKS[3]** | | | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 44.8 | 202.7 | 54.2 | 55.4 | 205.4 | -14.2 | 5.1 | -0.9 | 23.4 | 1.3 |
| Kelulusan pinjaman | 35.6 | 122.4 | 31.1 | 31.8 | 124.1 | 7.5 | 8.2 | 0.1 | -10.6 | 1.4 |
| Pengeluaran pinjaman | 168.1 | 593.2 | 149.5 | 165.5 | 604.1 | 19.0 | 9.9 | 1.2 | -1.6 | 1.8 |
| Bayaran balik pinjaman | 166.3 | 586.7 | 147.1 | 156.2 | 599.9 | 16.3 | 7.0 | 0.5 | -6.1 | 2.3 |
| **Isi Rumah** | | | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 114.4 | 482.0 | 123.4 | 119.2 | 476.9 | -2.7 | 2.3 | -6.1 | 4.2 | -1.1 |
| Kelulusan pinjaman | 53.0 | 213.3 | 57.8 | 53.6 | 218.5 | 0.8 | 5.4 | 1.8 | 1.3 | 2.4 |
| Pengeluaran pinjaman | 92.9 | 359.1 | 93.6 | 98.2 | 375.7 | 2.9 | 7.1 | 3.9 | 5.7 | 4.6 |
| Bayaran balik pinjaman | 88.5 | 349.5 | 90.7 | 92.9 | 367.2 | 5.6 | 7.6 | 5.0 | 4.9 | 5.1 |

[1] Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan sahaja
[2] Pengeluaran dan bayaran balik pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)
[3] Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing
[4] Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang sedang dilakukan oleh institusi kewangan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Bermula bulan Jun 2019, data disemak semula untuk mengambil kira data bank perdagangan berlesen yang baharu (MBSB Bank Berhad) sejak bulan April 2018. Ia sebelum ini dikelaskan sebagai institusi kewangan bukan bank.

Sumber: Bank Negara Malaysia

## Jadual 7

### Penunjuk Keberuntungan Sektor Perbankan

| | 2018 | | | | 2019 | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | S1 | S2 | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 | S4*a* |
| Pulangan atas ekuiti (%) | 12.4 | 13.3 | 12.8 | 12.7 | 11.5 | 13.0 | 12.9 | 13.0 |
| Pulangan atas aset (%) | 1.4 | 1.5 | 1.4 | 1.4 | 1.3 | 1.5 | 1.5 | 1.5 |
| | RM juta | | | | | | | |
| Pendapatan faedah bersih | 12,045 | 12,287 | 12,483 | 12,782 | 12,438 | 12,009 | 12,701 | 13,126 |
| Campur: Pendapatan berasaskan fi | 2,606 | 2,517 | 2,476 | 2,499 | 2,548 | 2,619 | 2,670 | 3,194 |
| Tolak: Kos operasi[1] | 8,101 | 7,919 | 7,820 | 8,326 | 8,385 | 8,421 | 8,626 | 9,127 |
| Keuntungan operasi kasar | 6,550 | 6,885 | 7,138 | 6,955 | 6,601 | 6,206 | 6,745 | 7,194 |
| Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain | 682 | 466 | 692 | 737 | 164 | 322 | 820 | -10 |
| Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan | 5,868 | 6,418 | 6,446 | 6,218 | 6,437 | 5,884 | 5,925 | 7,204 |
| Campur: Pendapatan lain | 3,048 | 4,071 | 2,240 | 3,368 | 2,548 | 5,506 | 4,302 | 3,648 |
| **Untung sebelum cukai** | **8,916** | **10,489** | **8,686** | **9,586** | **8,985** | **11,390** | **10,227** | **10,852** |
| | Pertumbuhan tahunan (%) | | | | | | | |
| Pulangan atas ekuiti (mata peratusan) | 0.6 | 0.6 | -0.1 | -0.4 | -0.8 | -0.3 | 0.2 | 0.3 |
| Pulangan atas aset (mata peratusan) | 0.1 | 0.10 | 0.01 | -0.03 | -0.08 | -0.01 | 0.04 | 0.06 |
| Pendapatan faedah bersih | 6.7 | 5.7 | 6.3 | 9.6 | 3.3 | -2.3 | 1.7 | 2.7 |
| Campur: Pendapatan berasaskan fi | 4.3 | -0.4 | -3.1 | -17.7 | -2.2 | 4.0 | 7.9 | 27.8 |
| Tolak: Kos operasi[1] | 7.1 | 3.2 | 1.8 | 1.8 | 3.5 | 6.3 | 10.3 | 9.6 |
| Keuntungan operasi kasar | 5.2 | 6.3 | 7.9 | 6.7 | 0.8 | -9.9 | -5.5 | 3.4 |
| Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain | 126.9 | -43.3 | 31.1 | 77.7 | -75.9 | -30.9 | 18.5 | -101.4 |
| Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan | -0.9 | 13.5 | 5.9 | 1.9 | 9.7 | -8.3 | -8.1 | 15.9 |
| Campur: Pendapatan lain | 52.0 | 13.8 | -26.3 | -12.3 | -16.4 | 35.2 | 92.0 | 8.3 |
| **Untung sebelum cukai** | **12.4** | **13.6** | **-4.9** | **-3.6** | **0.8** | **8.6** | **17.7** | **13.2** |

[1] Merujuk kos kakitangan dan overhed
[2] Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Malaysian Financial Reporting Standard 9 (MFRS 9)
*a* Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

## Jadual 8

### Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful

| | 2018 | | 2019 | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 | S4*a* |
| | RM juta | | | | | |
| **Insurans Hayat & Takaful Keluarga** | | | | | | |
| Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan | 7,610 | -1,011 | 8,561 | 7,947 | 3,795 | 3,907 |
| **Insurans Am & Takaful Am** | | | | | | |
| Keuntungan operasi | 1,207 | 476 | 716 | 677 | 785 | 758 |
| Nisbah tuntutan (%) | 53 | 57 | 57 | 59 | 59 | 59 |
| | Pertumbuhan tahunan (%) | | | | | |
| **Insurans Hayat & Takaful Keluarga** | | | | | | |
| Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan | 116.3 | -120.5 | 109.0 | 750.6 | -50.1 | 486.6 |
| **Insurans Am & Takaful Am** | | | | | | |
| Keuntungan operasi | 84.7 | -39.2 | 27.5 | -10.8 | -35.0 | 59.1 |
| Nisbah tuntutan (mata peratusan) | -7.9 | 2.3 | -0.1 | 0.4 | 6.0 | 1.9 |

*a* Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

**Jadual 9**

## Kewangan Kerajaan Persekutuan

| | 2018 | | 2019[a] | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S4 | Tahun | S3 | S4 | Tahun |
| | RM bilion | | | | |
| Hasil | 67.2 | 232.9 | 68.8 | 69.9 | 264.4 |
| *% pertumbuhan tahunan* | *4.0* | *5.7* | *16.7* | *4.0* | *13.5* |
| Perbelanjaan mengurus | 58.1 | 231.0 | 68.8 | 69.8 | 263.3 |
| *% pertumbuhan tahunan* | *-0.4* | *6.1* | *25.0* | *20.1* | *14.0* |
| **Akaun semasa** | **9.1** | **1.9** | **0.0** | **0.1** | **1.1** |
| ***% daripada KDNK*** | ***2.4*** | ***0.1*** | ***0.0*** | ***0.0*** | ***0.1*** |
| Perbelanjaan pembangunan bersih | 28.0 | 55.3 | 9.6 | 19.6 | 52.6 |
| *% pertumbuhan tahunan* | *108.6* | *28.5* | *27.7* | *-30.1* | *-4.9* |
| **Imbangan keseluruhan** | **-18.9** | **-53.4** | **-9.6** | **-19.5** | **-51.5** |
| ***% daripada KDNK*** | ***-5.0*** | ***-3.7*** | ***-2.5*** | ***-4.9*** | ***-3.4*** |
| **Memo:** | | | | | |
| Jumlah perbelanjaan bersih | 86.1 | 286.3 | 78.4 | 89.4 | 315.9 |
| *% pertumbuhan tahunan* | *20.0* | *9.8* | *25.3* | *3.8* | *10.4* |
| Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh) | 741.0 | 741.0 | 804.8 | 793.0 | 793.0 |
| *% daripada KDNK* | *51.2* | *51.2* | *53.3* | *52.5* | *52.5* |
| Hutang Dalam Negeri | 562.2 | 562.2 | 608.2 | 585.3 | 585.3 |
| *% daripada KDNK* | *38.9* | *38.9* | *40.3* | *38.7* | *38.7* |
| Hutang Luar Negeri | 178.8 | 178.8 | 196.6 | 207.7 | 207.7 |
| *% daripada KDNK* | *12.4* | *12.4* | *13.0* | *13.7* | *13.7* |
| *Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin* | *162.1* | *162.1* | *172.1* | *183.7* | *183.7* |
| *% daripada KDNK* | *11.2* | *11.2* | *11.4* | *12.2* | *12.2* |
| *Peminjaman luar pesisir* | *16.7* | *16.7* | *24.5* | *24.0* | *24.0* |
| *% daripada KDNK* | *1.2* | *1.2* | *1.6* | *1.6* | *1.6* |

[a] Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia